

26 FEB 2002

Ling-SAAS

KEBINET AKAN TENTUKAN MASA DEPAN LAPANGAN TERBANG SUBANG

PETALING JAYA, 26 Feb (Bernama) -- Kabinet akan menentukan masa depan terminal tiga Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (SAAS), Subang dalam masa dua atau tiga minggu lagi, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Beliau berkata satu kertas kabinet mengenai masa depan Lapangan Terbang SAAS telahpun disediakan dan beliau akan membentangkannya pada mesyuarat kabinet seminggu dua lagi.

"Kerajaan akan buat keputusan muktamad sama ada Subang (Lapangan Terbang SAAS) ditutup sepenuhnya, tutup separuh atau dibuka selama-lamanya," katanya kepada pemberita selepas meninjau kerja-kerja pengubahsuaian pejabat lama Star Publications yang akan dijadikan kampus sementara Universiti Tunku Abdul Rahman di sini.

Dr Ling diminta mengulas kebimbangan orang ramai terhadap kemungkinan Lapangan Terbang SAAS akan ditutup berikutan bermulanya operasi kereta api laju Express Rail Link (ERL) antara Kuala Lumpur dan Sepang 19 April ini.

Akhbar Berita Harian hari ini melaporkan pendapat orang ramai yang berharap agar perkhidmatan domestik dikekalkan di Subang atas beberapa alasan termasuk jarak yang jauh antara Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) dengan bandaraya.

Dr Ling berkata dalam membuat keputusan itu kerajaan akan mengambil kira berbagai-bagai faktor termasuk pihak yang mahu perkhidmatan di Subang dikekalkan, impak terhadap perkhidmatan ERL, peniaga di KLIA serta matlamat kerajaan untuk menjadikan KLIA sebagai pusat pengendalian penumpang serta kargo serantau.

Lapangan Terbang SAAS pernah ditutup apabila semua penerbangan komersil beralih ke KLIA pada 30 Jun 1998, tetapi kemudiannya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan terminal tiga dibuka bagi penerbangan domestik.

Pada masa ini, Penerbangan Malaysia (MAS), Air Asia dan Berjaya Air beroperasi di Lapangan Terbang SAAS.

-- BERNAMA

AKT AHH MOZ